



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Empat ciri orang Islam berkualiti

Muslim berkualiti mesti memiliki beberapa ciri berikut:

1. Akidah yang sejahtera

Seseorang Muslim mesti mempunyai akidah yang benar dan jelas. Itu perkara paling asas bagi umat Islam khususnya berkaitan konsep ketuhanan.

Daripada Umar Ibni Al-Khattab r.a, bahawa dalam pertemuan antara malaikat Jibril dengan Rasulullah SAW di dalam sebuah majlis dihadiri sahabat Baginda, Jibril mengemukakan pertanyaan kepada Rasulullah SAW

yang bermaksud: "Jibril telah berkata kepada Rasulullah SAW, kamu terangkan kepadaku me-

nganai iman, maka jawab Rasulullah: Iman itu ialah bahawa kami beriman kepada Allah, kepada malai-kat, kepada kitab-kitab, kepada rasul-rasul, kepada hari kemudian dan kamu beriman bahawa habu'an dan peruntukan bagi kamu sama ada baik atau buruk adalah semua daripada Allah SWT, maka Jibril pun berkata kamu telah berkata benar." (**Hadis riwayat Muslim**)

2. Berakhlik mantap

Akhlik seorang Muslim menjadi lambang kepada orang luar untuk melihat Islam.

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah Maha Pemurah menyukai

kedermawanan dan akhlak yang mulia serta membenci akhlak yang rendah atau hina." (**Hadis saihih riwayat Bukhari dan Muslim**)

Sabda Nabi SAW juga: "Sesungguhnya yang terbaik di antara kalian adalah yang terbaik akhlaknya". (**Hadis riwayat Ahmad**)

3. Mempunyai keilmuan yang tinggi

Al-Quran dalam beberapa ayat menekankan pentingnya ilmu pengetahuan. Allah SWT juga bertanya "Apakah sama orang yang mengetahui dengan tidak mengetahui?"

Dalam **Surah Az-Zumar, ayat 8**, Allah SWT berfirman yang bermak-

sud: "Hai orang-orang beriman apabila dikatakan kepadamu: "Berlapanglah dalam majlis, maka lapangkanlah nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan: "Berdirilah kamu," maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara mu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." (**Surah Al-Mujadilah, ayat 11**)

Selain itu, dalam satu lagi hadis daripada Muawiyah r.a, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Barang siapa yang Allah SWT menginginkan kebai-

kan padanya, maka akan difahamkan dalam masalah agama!" (**Hadis riwayat Bukhari dan Muslim**)

4. Menjaga masa

Seorang Muslim berkualiti adalah mereka yang bijak menguruskan masa. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh serta saling menasihati dengan kebenaran dan saling menasihati dengan kesabaran." (**Surah Al-'Ashr ayat 1-3**)

**Penulis Presiden
Persatuan Cina Muslim
Malaysia (MACMA)
dan profesor di Universiti
Putra Malaysia**

Setiap Muslim mesti berkelakuan serta keperibadian mengikut ajaran Islam. Ini bermakna, tindak-tanduk mereka perlu mematuhi syariat.

Sekiranya bertindak bertentangan dengan ajaran Islam, maka Islam akan dipersalahkan. Jika tidak, Muslim itu sebenarnya akan memberikan gambaran yang salah mengenai Islam.

Sebab itu, terlalu banyak persepsi serta tanggapan salah mengenai Islam berpunca daripada Muslim itu sendiri.